

D578

U 8455 AAB  
MAHKAMAH - FEER  
(I)

KUALA LUMPUR, 1 OKT (BERNAMA) -- PEMILIK DAN PENERBIT MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) DAN PENGARANGNYA TELAH MENGEMUKAKAN PEMBELAAN TERHADAP SAMAN LIBEL OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DENGAN MENAFIKAN BAHAWA RENCANA MENGENAI PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM MEMBAWA MAKSUD UNTUK MEMBURUKKAN NAMA BAIK PERDANA MENTERI.

DALAM PEMBELAAN YANG DIKEMUKAKAN DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI, FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW LTD, HONG KONG DAN ENCIK DEREK DAVIES BERKATA, DATUK SERI DR MAHATHIR +MEMBENARKAN DAN/ATAU MENYETUJUI ATAU MENYEBABKAN PENERBITAN RENCANA ITU+.

MEREKA BERKATA, PENERBITAN MAJALAH ITU DITANGGUHKAN OLEH KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENGIKUT AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN, 1984 SELAMA ENAM HARI. KEMENTERIAN KEMUDIAN MEMBENARKAN PENERBITAN MAJALAH ITU DI NEGARA INI TANPA MANA-MANA PERKATAAN DALAM RENCANA ITU DIPOTONG, DIBUANG ATAU DIPADAM.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, MEREKA MENDAKWA PENERBITAN APA YANG DIKATAKAN PERKATAAN FITNAH DALAM MAJALAH ITU, KELUARAN 21 MEI LALU, DIBENARKAN OLEH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

DATUK SERI DR MAHATHIR, SEBAGAI MENTERI DALAM NEGERI DAN KETUA KERAJAAN, MEMBENARKAN DAN/ATAU SECARA TERBUKA ATAU MENYETUJUI TINDAKAN KEMENTERIAN MEMBENARKAN PENERBITAN MAJALAH ITU YANG MENGANUNGI APA YANG DIKATAKAN PERKATAAN FITNAH ITU. -- LAGI  
1951MST 01 10 87

D580

U 8456 AAB  
MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR  
(I)

DALAM SAMANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENGIKUT PENGERTIAN BIASA, PERKATAAN YANG TERKANDUNG DALAM RENCANA ITU YANG MENYENTUH KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERGANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN, UNTUK MENJUAL SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK KEPADA BRUNEI DARUSSALAM.

BELIAU BERKATA, RENCANA ITU MEMBAWA MAKSUD BAHAWA UNTUK MENCAPAINYA, BELIAU TERLIBAT DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK BERBOHONG MENGENAI TUJUAN LAWATANNYA KE BRUNEI PADA MAC LPEAS DAN BELIAU TIDAK LAYAK BERTINDAK SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKIBAT PENERBITAN APA YANG DIKATAKAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH DIPERTIKAIKAN, MENDEDAHKANNYA KEPADA KEBENCIAN RAMAI DAN FITNAH.

BELIAU BERKATA BAHAWA MELALUI SURAT BERTARIKH 26 MEI, PEGUAM NEGARA TAN SRI ABU TALIB OTHMAN, BAGI PIHAKNYA, TELAH MENULIS KEPADA ENCIK DAVIES, DENGAN MENGEMUKAKAN CADANGAN SUPAYA MAJALAH ITU MENYIARKAN KENYATAAN MEMINTA MAAF YANG LENGKAP.

BAGAIMANAPUN, KEDUA-DUA DEFENDAN ENGGAN BERBUAT DEMIKIAN TETAPI SEBALIKNYA, MENYIARKAN ATAU MENYEBABKAN PENERBITAN PERKATAAN +RETRACTION AND APOLOGY+ YANG ANTARA LAIN MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TIDAK LAYAK BERTINDAK SEBAGAI PERDANA MENTERI. -- LAGI  
1955MST 01 10 87

D585

U B460 AAB

MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR

(I)

MEREKA BERKATA, PERKEMBANGAN YANG MENYENTUHNYA SEBAGAI TOKOH YANG MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PERDANA MENTERI IALAH PERKARA YANG MENIMBULKAN MINAT DAN PERHATIAN RAKYAT DI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA JIRAN.

MENURUT KEDUA-DUA DEFENDAN, PENERBITAN RENCANA ITU ADALAH HASIL MAKLUMAT YANG DITERIMA DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG PADA MASA LALU TERBUKTI ARIF MENGENAINYA DAN BOLEH DIPERCAYAI DAN MENAMBAH KATA MEREKA JUGA MERUJUK KEPADA PERKARA 10 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN YANG MENJAMIN KEBEBASAN BERSUARA.

KEDUA-DUA MEREKA MENAFIKAN YANG MEREKA TELAH GAGAL DAN ENGGAN MEMINTA MAAF SAMBIL BERKATA MEREKA TELAH BERBUAT DEMIKIAN DI BAWAH TAJUK +RETRACTION AND APOLOGY+ YANG DISIARKAN DALAM MAJALAH ITU PADA 4 JUN.

MEREKA MENAFIKAN YANG PERKATAAN-PERKATAAN DI BAWAH TAJUK ITU FITNAH DAN MENAMBAH KATA PERKATAAN ITU IALAH KOMEN YANG ADIL MENGENAI PERKARA YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN UMUM -- CARA DATUK SERI DR MAHATHIR MENJALANKAN TUGASNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI. -- BERNAMA  
2004MST 01 10 87